



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3142 Bahasa Melayu Komunikasi 2**  
 Semester & Year : January – April 2020  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
 SOALAN 2 – Tatabahasa  
 SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN B : SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)**  
**ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.**

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Nama saya Intan. Hobi saya ialah membaca buku. Saya suka membaca komik dan novel. Saya membaca buku pada waktu malam sebelum tidur. Setiap bulan, saya akan membeli sebuah komik dan dua buah novel. Biasanya, saya beli komik dan novel di kedai buku Encik Tan. Di sana, saya boleh mendapat diskaun sebanyak 20% kerana saya pelanggan tetap. Encik Tan juga ialah kawan baik bapa saya. Dia pun suka membaca buku tetapi dia suka membaca buku akademik. Dia tidak suka komik. Dia sangat serius dan pendiam. Namun begitu, dia sangat pemurah dan baik hati. Dia selalu melayan saya dengan baik ketika saya pergi ke kedainya. Dia selalu memberikan minuman percuma kepada saya.

1. Apakah hobi Intan? **(2 markah)**
2. Berapakah jumlah novel Intan dalam setahun? **(2 markah)**
3. Mengapakah Intan mendapat diskaun 20%? **(2 markah)**
4. Nyatakan **EMPAT (4)** perwatakan Encik Tan. **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Ahmad dan Boon Heng baru sahaja balik dari kolej. Mereka pelajar di sebuah kolej di Kuala Lumpur. Ahmad sedang belajar dalam program Hospitaliti. Boon Heng juga dari program yang sama. Hobi mereka juga sama. Mereka suka bersukan. Namun begitu, Ahmad lebih suka bermain bola sepak manakala Boon Heng pula suka pergi ke gimnasium. Setiap hari Ahad, Ahmad akan mengikut Boon Heng pergi ke gimnasium. Selepas itu, mereka berdua akan pergi ke kelas renang kerana mereka berdua mahu belajar berenang. Kelas renang mereka diajar oleh Cikgu Muthu. Cikgu Muthu sangat baik dan peramah. Dia mengajar Ahmad dan Boon Heng dengan penuh sabar. Ahmad dan Boon Heng sangat suka kelas renang Cikgu Muthu. Yuran belajar berenang ialah RM100 untuk satu bulan. Mereka berdua sangat gembira dapat menghabiskan masa lapang bersama-sama.

1. Apakah program Boon Heng? **(2 markah)**
2. Nyatakan hobi Ahmad dan Boon Heng. **(2 markah)**
3. Siapakah yang mengajar Ahmad dan Boon Heng berenang? **(2 markah)**
4. Berikan **DUA (2)** nilai positif guru renang Ahmad dan Boon Heng. **(2 markah)**
5. Berapakah jumlah yuran kelas untuk dua orang dalam satu bulan? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

**(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini.**

- I. mandi **(2 markah)**
- II. tidur **(2 markah)**
- III. bangun **(2 markah)**
- IV. basuh **(2 markah)**
- V. masak **(2 markah)**

**(10 markah)**

**(b) Terjemahkan ayat-ayat yang berikut ke dalam bahasa Inggeris.**

- 1. Rumah kawan saya di Kajang.
- 2. Kakak saya cantik dan baik.
- 3. Hobi Fikri ialah bermain badminton.
- 4. Adakah itu adik perempuan kamu?
- 5. Mereka sarapan pada pukul 8.00 pagi.
- 6. Dia menonton filem dengan saya malam tadi.
- 7. Saya beri buku Bahasa Melayu kepada cikgu tadi.
- 8. Kelas saya bermula pada pukul 10.00 pagi.
- 9. Lelaki itu kurus tetapi kacak.
- 10. Makanan popular di Malaysia ialah nasi lemak.

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan satu karangan pendek tentang **LIMA (5)** tempat penting di kampus kamu.

**ATAU;**

2. Ceritakan **LIMA (5)** aktiviti yang boleh kamu lakukan pada masa lapang.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**